



SISTEM ePEROLEHAN
PEROLEHAN SECARA TENDER / SEBUT HARGA

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN TAWARAN

TARIKH IKLAN : **26 SEPTEMBER 2023 (SELASA)**

Tender adalah dipelawa daripada pembekal-pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dalam kod bidang 050301 untuk mengambil bahagian di dalam tender berikut:-

BUTIR-BUTIR TAWARAN	JADUAL T/P&P	TARIKH/MASA/TEMPAT TAKLIMAT/LAWATAN TAPAK (Kehadiran Taklimat/Lawatan Tapak DIWAJIBKAN)	SYARAT PENYERTAAN TENDER	KAEDAH PEROLEHAN
<p>[FTA(CPTPP)] Tender Pembekalan Produk Konsumabel Kardiologi Bagi Prosedur Di Makmal Invasif Kardiologi (ICL) Di Bawah Perkhidmatan Kardiologi Kementerian Kesihatan Malaysia Untuk Tempoh 3 Tahun (Maklumat lanjut sila layari laman web Kementerian Kesihatan Malaysia dan <i>MyProcument</i>) [Tawaran petender dibenarkan dalam BM/ENG]</p> <p>No. Tender : QT23000000014273</p>	83/2023	<p><u>Tarikh Taklimat</u> Tarikh : 29 September 2023 Masa : 10.00 pagi</p> <p>Secara atas talian.</p> <p>Melalui pautan Google Meet seperti berikut :</p> <p>meet.google.com/spi-hgni-nsy</p>	<p>1). Petender yang berminat DIWAJIBKAN hadir ke sesi taklimat secara dalam talian.</p> <p>2). Syarat menghadiri taklimat/lawatan tapak:</p> <p>(i) Hanya PENAMA di dalam Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan (MOF) SAHAJA yang boleh hadir ke sesi taklimat/lawatan tapak. PENAMA wajib membuat pengesahan DOKUMEN di atas bagi mengesahkan kehadiran di sesi taklimat tender.</p> <p>3). Perolehan ini tertakluk kepada syarat CPTPP seperti berikut:</p> <p>(i) Hak Kerajaan untuk mengadakan rundingan tidak dalam apa-apa cara jua mengikat Kerajaan menyetujui terima keputusan rundingan;</p> <p>(ii) Pelawaan tender ini boleh dipertimbangkan pembaharuan dan pelanjutan tempoh kontrak tidak melebihi 50% daripada nilai kontrak asal dan/atau maksimum dua (2) tahun tertakluk kepada peraturan semasa yang berkuat kuasa;</p> <p>(iii) Harga yang ditawarkan pembida juga adalah</p>	Secara ePerolehan

BUTIR-BUTIR TAWARAN	JADUAL T/P&P	TARIKH/MASA/TEMPAT TAKLIMAT/LAWATAN TAPAK (Kehadiran Taklimat/Lawatan Tapak DIWAJIBKAN)	SYARAT PENYERTAAN TENDER	KAEDAH PEROLEHAN
			tertakluk kepada penentuan Keutamaan Harga (<i>Margin Of Preference</i> – MOP) syarikat tempatan /syarikat dari negara ahli FTA; dan (iv) Program Kolaborasi Industri (ICP) (jika berkaitan)	
* PERHATIAN: SILA RUJUK DOKUMEN TAWARAN - SYARAT-SYARAT, ARAHAN DAN PENJELASAN BERHUBUNG DENGAN TENDER YANG <u>TERKINI DALAM SISTEM ePEROLEHAN</u>				

Telecenter:

**Bahagian Perolehan dan Penswastaan,
Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 7, Blok E7, Kompleks E, Presint 1,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 PUTRAJAYA
No. Telefon : 03-8883 3022**

Dokumen Tender boleh disemak mulai **26 September 2023 (Selasa)** dengan melayari **www.eperolehan.com.my**.

Pembekal yang ingin menyertai tender ini mestilah ePerolehan *enabled*. Sistem ePerolehan mempelawa pembekal secara **Auto Invite** dan hanya pembekal yang mempunyai kod bidang berkenaan sahaja layak menyertai tender tersebut.

Cadangan Teknikal dan Cadangan Kewangan yang lengkap hendaklah dikunci masuk (*key-in*) ke dalam sistem ePerolehan pada atau sebelum **08 November 2023 (Rabu), jam 12.00 tengah hari**. Semua dokumen pelawaan, dokumen tawaran dan dokumen sokongan hendaklah dikemukakan secara elektronik dan penyerahan **dokumen secara manual adalah tidak dibenarkan**. Penyerahan secara manual hanya dibenarkan bagi sampel sahaja (jika berkenaan). Pihak tuan adalah dimohon untuk mematuhi Pekeliling Perbendaharaan (PP)/Perolehan Kerajaan (PK) 2.2 perenggan 5.7(iii) dan perenggan 15.1(viii) dibaca bersama PP/PK5.1 Lampiran 4 perenggan 9.2 yang memberi maksud untuk **TIDAK memaparkan nama syarikat pada dokumen teknikal**.

Tawaran yang lewat tidak akan diterima.

Kementerian Kesihatan Malaysia tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah ataupun sebarang tawaran.

Syarikat/Firma/Koperasi/Pemilikan Tunggal* hendaklah mengambil perhatian bahawa setiap transaksi bagi kontrak yang melibatkan hanya sekali bayaran (*one-time payment*) melalui sistem ePerolehan akan dikenakan fi perkhidmatan pada kadar sebanyak 0.8% dengan had maksimum RM9,600 bagi transaksi yang bernilai RM1.2 juta atau lebih;

Atau

Setiap transaksi bagi kontrak yang melibatkan beberapa kali pembayaran (*multiple payment*) melalui sistem ePerolehan akan dikenakan fi perkhidmatan sebanyak 0.4% dengan had maksimum RM4,800 bagi pesanan bernilai RM1.2 juta atau lebih.

*Yang mana berkenaan

Ketua Setiausaha,
Kementerian Kesihatan Malaysia.